



# PERKAHWINAN AWAL USIA DALAM UNDANG-UNDANG SYARIAH DI MALAYSIA

**Muhammad Fathi Yusof**

Pensyarah Kanan Undang-undang di Pusat Polisi Perdana, Fakulti Teknologi dan Informatik Razak, Universiti Teknologi Malaysia

**P**ersoalan perkahwinan awal usia perlu ditangani dengan serius agar selari dengan prinsip keadilan Islam. Perhatian ini juga dapat mengelakkan fitnah oleh pihak yang sentiasa cuba memburukkan Islam kerana Islam sering dikatakan menganiaya kanak-kanak, menzalimi wanita dan ketinggalan zaman.



Selain itu, perkembangan dunia masa ini yang banyak dipengaruhi budaya materialisme, jurang ekonomi global, sistem sosial yang rapuh, dan seumpamanya memerlukan penelitian semula ijtihad yang lalu berkaitan dengan isu perkahwinan awal usia ini. Kini masalah penindasan dan penganiayaan kanak-kanak, terutamanya perempuan, menjadi masalah yang besar dan menakutkan.

Biasanya masalah ini dikaitkan dengan soal kesihatan reproduktif dan seksual, kesihatan emosi dan mental, masalah perceraian, keganasan rumah tangga, dan hak pendidikan. Walaupun isu ini masih dianggap terpencil di Malaysia, namun tetap memerlukan perhatian serius bagi mengelakkannya menjadi barah dalam sistem kekeluargaan.

Isu perkahwinan kanak-kanak semakin hangat diperkatakan apabila kerajaan berusaha untuk menyelaraskan takrif dewasa dalam undang-undang keluarga Islam kepada umur 18 tahun. Pentakrifan ini dibuat bagi menyesuaikan dengan takrif dewasa dalam kebanyakan undang-undang lain. Selain itu, pentakrifan ini juga selaras dengan definisi dewasa menurut standard yang ditetapkan oleh agensi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi menentukan umur kelayakan berkahwin.

Data PBB dan badan antarabangsa lain berkaitan dengan perkahwinan kanak-kanak, kebiasaannya merujuk mereka yang berusia di bawah 18 tahun sebagai kanak-kanak. Di Malaysia, perbezaan garis umur kelayakan berkahwin antara satu negeri dengan yang lain menjadikan dapatan berkaitan dengan perkahwinan kanak-kanak ini tidak seragam dan kompleks. Malah, persoalan perkahwinan awal usia ini juga sering dipolemikkan oleh pihak yang memusuhi Islam. Mereka menjadikannya sebagai senjata untuk mengkritik Rasulullah SAW berasaskan perkahwinan Baginda dengan Sayidatina Aisyah r.anha. Mereka menggunakan fakta itu untuk menuduh dan memburuk-burukkan Islam kerana menganiaya wanita dan kanak-kanak.

Atas sebab yang dinyatakan ini, isu perkahwinan pada awal usia atau perkahwinan kanak-kanak ini sentiasa menjadi bahan perbincangan yang sering kali dibangkitkan. Tulisan ini bertujuan untuk melihat isu perkahwinan kanak-kanak ini dari perspektif perundangan Islam sedia ada, dan apakah respons yang sesuai bagi menghadapi cabaran yang berlaku.

Di Malaysia, setiap negeri mempunyai peruntukan undang-undang yang berasingan. Kebanyakan

undang-undang keluarga Islam menyediakan mekanisme perundangan yang hampir sama. Sebagai contoh, kita boleh merujuk Seksyen 8 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 yang memperuntukkan bahawa: "Tiada sesuatu perkahwinan boleh diakadnikahkan di bawah Enakmen ini jika lelaki itu berumur kurang daripada lapan belas tahun atau perempuan itu berumur kurang daripada enam belas tahun kecuali jika Hakim Syarie telah memberi kebenarannya secara bertulis dalam hal keadaan tertentu."

Berdasarkan peruntukan undang-undang tersebut, kita dapat memahami bahawa undang-undang Islam berkaitan dengan perkahwinan kanak-kanak di Malaysia perlu dilihat dari dua aspek, iaitu pertama, had umur perkahwinan yang ditetapkan oleh undang-undang bertulis, dan kedua, budi bicara hakim untuk membenarkan perkahwinan bawah umur.

Seperti sedia maklum, had umur perkahwinan di Malaysia berbeza-beza antara satu negeri dengan negeri yang lain. Terdapat negeri yang menetapkan umur perkahwinan yang lebih rendah, iaitu 16 tahun, terutamanya untuk perempuan. Oleh itu, pihak berwajib sedang giat menjalankan usaha untuk menyelaraskan usia perkahwinan kepada 18 tahun bagi lelaki dan perempuan.

Rentetan daripada itu, timbul persoalan adakah undang-undang perkahwinan Islam di negeri-negeri dan Wilayah Persekutuan wajar diselaraskan kepada umur 18 tahun untuk lelaki dan perempuan, atau dibiarkan berbeza berdasarkan ketetapan negeri masing-masing? Dalam hal ini, kita perlu membezakan antara penetapan umur kelayakan berkahwin, dengan hukum berkaitan dengan perkahwinan kanak-kanak dalam Islam. Dengan penetapan umur kelayakan ini, tidaklah menyebabkan mereka yang berumur kurang daripada umur berkenaan langsung tidak layak berkahwin. Mereka masih boleh melangsungkan perkahwinan jika mendapat kelulusan pihak berkuasa agama. Maka itu, penetapan umum dalam undang-undang bertulis tidak boleh dianggap sebagai tindakan mengharamkan sesuatu yang halal.

Oleh hal yang demikian, usaha menaikkan umur kelayakan berkahwin ini ialah soal ijtihad yang wajar ditentukan oleh pihak berwajib berasaskan prinsip maslahat dengan mengambil kira tahap kematangan remaja masa ini dan kesan daripada perkahwinan



pada umur yang ditetapkan. Kajian yang telah dibuat wajar dijadikan rujukan dalam menentukan had umur ini.

Dalam isu perkahwinan awal usia ini, aspek yang perlu dilihat juga ialah budi bicara hakim Syarii bagi membenarkan perkahwinan individu bawah umur. Setiap undang-undang yang menetapkan umur kelayakan berkahwin menyertakan pengecualian kuasa hakim untuk memberikan kebenaran bertulis. Budi bicara hakim ini amat perlu kerana terdapat situasi yang khusus yang mungkin memerlukan perkahwinan bawah umur ini dilakukan.

Menurut satu kajian oleh Pusat Kajian Fiqh, Sains dan Teknologi (CFIRST), Universiti Teknologi Malaysia, satu daripada faktor yang mendorong berlakunya perkahwinan kanak-kanak di Malaysia disebabkan keterlanjuran dan keinginan untuk menutup aib atau maruah keluarga yang tercemar. Namun begitu, pengecualian ini tidak seharusnya dianggap sebagai laluan mudah bagi mereka yang melakukan dosa zina dan ingin membersihkan nama mereka. Sebaliknya, pengecualian ini perlu disertai dengan tapisan dan syarat yang ketat.

Oleh hal yang demikian, ibu atau bapa tidak boleh sama sekali menyalahgunakan kedudukan mereka untuk mendapat keuntungan peribadi dengan mengahwinkan anaknya menggunakan kelonggaran dan pengecualian tersebut. Sebagai contoh, jika berlaku kes bapa yang ingin mengahwinkan anak untuk menebus hutang, maka hasrat tersebut perlulah dihalang sekeras-kerasnya.

Bagi menangani isu perkahwinan awal usia ini, hal yang perlu dilihat ialah kesannya terhadap kebajikan remaja atau kanak-kanak terbabit dari sudut pendidikan dan perkembangan sosialnya. Oleh itu, hakim wajar melihat dan mempertimbangkan persediaan remaja atau kanak-kanak itu dengan ilmu dan kemahiran rumah tangga. Ringkasnya, sebelum sesuatu keputusan pengecualian diputuskan, hakim syarii bertanggungjawab untuk memastikan bahawa perkahwinan itu mendatangkan maslahat untuk kanak-kanak atau remaja terbabit, atau sekurang-kurangnya dapat mengelakkan berlakunya kerosakan dan mudarat.

Dalam hal ini, timbul persoalan, apakah rujukan yang digunakan oleh para hakim untuk membuat keputusan? Adakah wujud panduan yang komprehensif dan seragam bagi meluluskan

permohonan perkahwinan bawah umur? Adakah faktor ekonomi, kematangan, risiko penganiayaan dan psikologi diambil kira ketika membuat pertimbangan?

Buat masa ini, belum ada satu garis panduan yang lengkap dan seragam untuk dijadikan rujukan oleh para hakim ketika membuat pertimbangan. Garis panduan ini amat penting memandangkan terdapat pelbagai pandangan fuqaha berhubung dengan perkahwinan kanak-kanak. Dalam situasi ruang ijihad yang amat luas ini, dikhuatiri terdapat hakim yang memilih pandangan yang terlalu longgar sehingga bertentangan dengan maqasid syariah dan bercanggah dengan maslahat.

Oleh itu, pandangan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dan para mufti negeri sewajarnya dijadikan rujukan bagi memastikan wujudnya keseragaman dan kesaksamaan ketika hakim syarii menilai keperluan pengecualian. Misalnya, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali ke-106 tahun 2014 telah pun bersetuju memutuskan bahawa perkahwinan kanak-kanak hanya boleh dibenarkan dengan syarat dilakukan semata-mata untuk memenuhi kemaslahatan kanak-kanak tersebut secara syarii.

Dalam hal ini, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan juga pernah mengeluarkan satu catatan dan pernyataan melalui ruangan *Bayan Linnas* Siri ke-141 yang bertajuk "Perkahwinan Kanak-kanak Mengikut Perspektif Syariah". Catatan ini antara lain menyebut bahawa perkahwinan kanak-kanak kecil dari sudut hukum syarak, jika menepati syarat dan rukun yang telah ditetapkan adalah sah berdasarkan nas al-Quran dan sunah. Kitab-kitab fiqh dalam empat mazhab sendiri pun telah menyebut isu ini dan mengiakkannya. Menurut tulisan berkenaan, inilah pendapat jumur fuqaha.

Walau bagaimanapun, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan mencadangkan agar kerajaan menggubal undang-undang yang lebih meraikan maqasid syariah dan menggabungkan antara nas syarak dengan maslahat, yakni institusi keluarga yang penuh belas kasihan dan cinta. Oleh itu, kerajaan berkuasa untuk menetapkan polisi mengehendkan umur minimum perkahwinan kerana termasuk di bawah kategori *taqyid al-mubah* (mengikat perkara yang harus dengan suatu maslahat) bagi menegakkan keadilan dan bukanlah bertujuan untuk



mengharamkan suatu yang diharamkan oleh Allah SWT.

Tulisan itu juga memetik pendirian Syeikh Abdullah bin Sulaiman al-Mani<sup>2</sup>, seorang daripada anggota Majlis Ulama Kanan Saudi yang berpandangan bahawa perkahwinan antara Rasulullah SAW dengan Sayidatina Aisyah r.anha tidak sepatutnya dijadikan alasan untuk mewajarkan perkahwinan anak gadis bawah umur. Begitu juga pendapat Dr. Muhammad Uqlah dalam *Nizam al-Ushrah fi al-Islam* yang menyebut bahawa Islam tidak menggalakkan perkahwinan remaja yang muda dengan wanita yang amat tua. Begitu juga, wanita muda dengan lelaki yang amat tua. Halangan ini bertujuan untuk menjaga kemaslahatan kedua-duanya dari sudut hubungan kelamin. Amalan dan kebiasaan masa ini amat berbeza dengan masa terdahulu. Begitu juga amalan dan kebiasaan tempatan Malaysia berbeza dengan sebahagian negara lain.

Berdasarkan perbincangan tersebut, kerajaan mempunyai kuasa untuk menetapkan had kelayakan umur perkahwinan berdasarkan keperluan dan perkembangan semasa demi maslahat semua pihak berasaskan nas syarak dan maqasid syariah. Walau bagaimanapun, penetapan ini tidak perlu terikat dengan kehendak atau tekanan antarabangsa, termasuk pejuang hak asasi sejagat kerana soal ketetapan perkahwinan ini amat berkait rapat dengan faktor tempatan.

Selain itu, pengecualian dalam had umur perkahwinan juga perlu diwujudkan, tetapi hendaklah berteraskan prinsip keadilan dan tertakluk kepada kawalan yang ketat berdasarkan garis panduan yang komprehensif. Keperluan ini perlu disegerakan bagi memastikan tidak wujud kelompangan perundangan yang mungkin digunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab bagi menyalahgunakan pengecualian dan kelonggaran berkenaan.

Sewajarnya, isu perkahwinan awal usia ini dapat ditangani sebaik mungkin bagi mengelakkan Islam diletakkan di kandang salah sebagai satu sistem hidup yang dikatakan pincang dan menganiaya wanita. Sedangkan, pada hakikatnya sistem kekeluargaan Islam ialah satu sistem sosial yang terbaik dan sesuai dengan fitrah kerana datang daripada Allah Yang Maha Penyayang dan Maha Mengetahui. DTI

**“Isu perkahwinan awal usia ini dapat ditangani sebaik mungkin bagi mengelakkan Islam diletakkan di kandang salah sebagai satu sistem hidup yang dikatakan pincang dan menganiaya wanita.”**